

PM selami naluri mahasiswa laksana reformasi mansuh AUKU



Oleh Prof Madya Dr Bakti Hasan Basri
bhrencana@bh.com.my

Dalam isu pemansuhan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (AUKU), kekuatan pendekatan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim bukan sekadar terletak pada keberaniannya membuat keputusan politik, tetapi pada kemampuannya memahami naluri mahasiswa dan sifat sebenar sebuah universiti.

Beliau tidak melihat mahasiswa sebagai kelompok yang selalu sentiasa diawal, 'diterbitkan' dan dipastikan sehaluan dengan pemerintah. Sebaliknya, mahasiswa dilihat sebagai generasi terdidik perlu diberikan ruang untuk bertanya, mencabar, ber-

bahas, bahkan melakukan kesalahan dalam proses membentuk kematangan mereka.

Pendekatan ini terserlah dengan sangat jelas dalam Forum Ilmuwan MADANI Siri 13 di Universiti Malaysia (UM), baru-baru ini. Perdana Menteri menerima hakikat mahasiswa mungkin tidak sentiasa mengemukakan pandangan betul, malah mungkin mengkritik beliau sendiri dan kerajaan.

Namun, bagi beliau, itu bukan alasan untuk menyekat mereka. Universiti harus menjadi medan pemikiran kritis dan pemikiran segar dan ruang kebebasan mahasiswa perlu diberikan walaupun pandangan mereka tidak disenangi kerajaan.

Malah, pemahamannya terhadap psikologi generasi muda kelihatan lebih mendalam apabila beliau mengakui usaha membentuk mahasiswa menjadi manusia dewasa dan matang memerlukan kesabaran daripada kerajaan sendiri untuk menerima pandangan tidak secocok dengannya. Mahasiswa, ujar beliau, ialah anak pintar dan terdidik mesti diberi peluang untuk berfikir, merenung dan mendapat pencerahan.

Dua hari kemudian, ketika berhadapan dengan pelajar sekolah dan prauniversiti dalam sesi Temu Anwar di Pulau Pinang, prinsip sama diulang dalam bahasa lebih mudah, iaitu anak muda mungkin tersilap, tetapi kesilapan pandangan perlu dijawab dengan pendidikan dan perbincangan, bukan kong-kongan.

Apa yang turut membezakan pendekatan Perdana Menteri ialah beliau tidak mahu reformasi AUKU menjadi projek elitis ditentukan hanya oleh Putrajaya. Beliau menyebut secara khusus perlunya

pimpinan mahasiswa, persatuan kakitangan akademik, pimpinan universiti dan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) memahami serta terbabit dalam kerangka perubahan berkenaan.

Ketika aktivis mahasiswa membangkitkan konsultasi tidak seharusnya hanya membabitkan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), tetapi turut merangkumi gerakan mahasiswa lain, Perdana Menteri menerima baik cadangan ini, malah beliau meminta supaya kelompok berkenaan turut dicatat dan dipertimbangkan untuk dilibatkan dalam pertemuan berikutnya.

Aktivisme mahasiswa harus dilindungi

Pada masa sama, keterbukaan itu tidak ditafsirkan sebagai kebebasan tanpa batas. Beliau membezakan dengan jelas antara kritikan, perbezaan pandangan dan aktivisme mahasiswa yang harus dilindungi dengan perbuatan jenayah, vandalisme atau kerosakan harta benda, yang tetap tertakluk kepada undang-undang. Inilah keseimbangan penting dalam pendiriannya, iaitu mahasiswa tidak harus dihukum kerana bersuara, tetapi kebebasan tidak boleh dijadikan lesen untuk melakukan kerosakan.

Lebih penting, beliau tidak mahu mahasiswa menunggu pertelingkahan atau bertahun-tahun sehingga proses menggubal undang-undang baharu selesai sebelum dapat menikmati ruang kebebasan berkenaan.

Di sinilah reformasi AUKU memperlihatkan satu pendekatan praktikal dan segera. Beliau mengarahkan perkara yang boleh dilakukan di bawah kerangka undang-undang sedia ada supaya dilaksa-

“ Dalam konteks ini, pemansuhan AUKU boleh dilihat sebagai antara ujian paling nyata terhadap kesungguhan agenda reformasi pendidikan tinggi Kerajaan MADANI ”

nakan terlebih dahulu.

Peraturan Hal Ehwal Pelajar (HEP) yang mengongkong perlu dilonggarkan, tindakan disiplin semata-mata berpunca daripada pandangan atau kritikan mahasiswa perlu dihentikan, manakala badan mahasiswa perlu diberi ruang bergerak dengan lebih bebas.

Apabila ditanya bilakah perubahan itu harus bermula, jawapan Perdana Menteri juga jelas, bukan 'selepas Akta baharu diluluskan', bukan 'selepas jawatankuasa selesai bermesyuarat', tetapi 'esok pagi'.

Pada masa sama, beliau memberikan garis masa kepada KPT, iaitu tindakan segera perlu dibawa untuk kelulusan, manakala kerja menggubal kerangka undang-undang baharu hendaklah dipercepatkan dan tidak dibiarkan berlarutan bertahun-tahun. Beliau sendiri mengakui rakyat sudah lelah dengan janji reformasi yang mengambil masa terlalu panjang, lalu menetapkan tarikh akhirnya.

Arahan ini kemudian diterjemahkan dengan cepat oleh KPT. Melalui kenyataan medianya pada 28 Ogos, KPT mengumumkan langkah segera dalam kerangka undang-undang sedia ada dengan mengenal pasti peruntukan AUKU dan Kaedah-Kaedah Tata tertib Pelajar yang berkaitan kebebasan pengurusan persatuan dan kelab, pengurusan aktiviti pelajar, kebebasan bersuara dan berhimpun serta penggunaan platform komunikasi dan penerbitan untuk dikesualikan daripada penguatkuasaan sebagai langkah segera.

Prosiding tata tertib berkaitan kebebasan bersuara, penyataan pandangan, kritikan awam dan perhimpunan secara aman juga diarahkan dihentikan serta-merta. Universiti yang tidak tertakluk secara langsung kepada AUKU seperti Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Universiti Teknologi MARA (UiTM) turut diminta menyelaraskan peraturan dalam mereka dengan semangat pembaharuan sama.

Ini memberikan makna lebih besar kepada keputusan pemansuhan AUKU. Perdana Menteri bukan sahaja memansuhkan destinasi reformasi, tetapi mengarahkan perjalanan ke arahnya bermula serta-merta.

Beliau memahami pindaan dan penggubalan undang-undang mengambil masa sedangkan hak untuk berfikir, berhujah dan bersuara tidak sewajarnya ditangguhkan semata-mata kerana proses birokrasi belum selesai.

Pendirian ini memperlihatkan satu sisi penting kepimpinan beliau di mana pengalaman panjangnya sendiri sebagai aktivis mahasiswa memberinya kefahaman mengenai naluri anak muda yang mahu didengar, mahu dipercayai dan mahu diberikan ruang untuk membuktikan kematangan mereka.

Beliau sedar kebebasan itu mempunyai risiko. Namun, pilihannya ialah mendidik melalui kebebasan yang bertanggungjawab, bukan membentuk generasi yang patuh kerana takut.

Dalam konteks ini, pemansuhan AUKU boleh dilihat sebagai antara ujian paling nyata terhadap kesungguhan agenda reformasi pendidikan tinggi Kerajaan MADANI.

Daripada keputusan pada peringkat Perdana Menteri dan Jemaah Menteri, kepada konsultasi dengan mahasiswa, sarjana, Naib Canselor dan KPT, kemudian diterjemahkan kepada tindakan pentadbiran serta-merta oleh KPT, proses ini menunjukkan reformasi terus sahaja dilaksanakan sebelum dakwat Akta baharu sempat diturunkan.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH



Anwar beramah mesra bersama mahasiswa Universiti Pengurusan dan Teknologi Tunku Abdul Rahman (TAR UTM), Kuala Lumpur, Februari lalu. (Foto fail NSTP)